

**KAJIAN TERHADAP KEPOPULARITIAN
KENDERAAN PELBAGAI GUNA ATAU MPV
DI KAWASAN
SHAH ALAM DAN SUBANG JAYA**

Oleh:

MOHD FAIZUL BIN SALIH

No. Matrik:

**IJAZAH SARJANA MUDA SENI REKA PERINDUSTRIAN
FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA
JABATAN SENI REKA PERINDUSTRIAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN**

SESSI 1999/2000

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.....

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat limpah kurnia-Nya dapat penulis menyiapkan sebuah tesis yang bertajuk **“Kajian terhadap kepopularitian kenderaan pelbagai guna atau MPV di kawasan Shah Alam dan Subang Jaya”** diharap akan dapat membantu pihak-pihak tertentu terutamanya pihak *Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, Universiti Teknologi Mara*.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia projek iaitu Encik Hariri dengan adanya tunjuk ajar dan bimbingan beliau, penulis dapat menyiapkan tesis ini dari awal hingga akhir. Jutaan terima kasih penulis ucapkan kepada mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tesis ini.

SINOPSIS

Tesis ini merupakan hasil usaha penulis dalam membuat kajian terhadap kepopularitian **MPV** atau kenderaan pelbagai guna di kawasan *Shah Alam* dan *Subang Jaya*. Kajian ini dibuat memandangkan sekarang ini semakin ramai pengguna yang meminati **MPV**. Ini terbukti apabila kemasukan **MPV** di dalam pasaran tempatan semakin menggalakkan. Setiap tahun ada saja model baru **MPV** yang diperkenalkan di negara kita. Sambutan daripada pengguna kenderaan juga menggalakkan.

MPV merupakan salah satu daripada beberapa kategori kenderaan yang berada di pasaran dunia pada masa ini. Antara kategori kenderaan yang lain adalah seperti kereta sedan atau saloon, wagon, van dan antara yang terbaru pula seperti **EV** (*Electric Vehicles*), **HEV** (*Hybrid Electric Vehicles*), **RV** (*Recreational Vehicles*), **SUV** (*Super Utility Vehicles*) atau **4WD** (*Four Wheel Drive*) atau *pacuan empat roda* atau **4x4**, **MUV** (*Multi Utility Vehicles*), **MPV** (*Multi Purpose Vehicles*) dan sebagainya.

MPV merupakan kenderaan yang mempunyai ciri-ciri tersendiri dimana rekabentuk menyerupai kereta sedan pada bahagian hadapannya dan rekabentuk van pada bahagian belakangnya. Ia juga mempunyai enjin di bahagian hadapan seperti kereta sedan, tidak seperti van biasa yang kebanyakannya mempunyai enjin di bawah tempat duduk.

JADUAL ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN

Halaman pemeriksa
Penghargaan
Kata pengantar
Sinopsis
Jadual isi kandungan

BAB 1	PENGENALAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Objektif kajian	3
	1.3 Skop kajian	5
	1.4 Metodologi kajian	7
	1.5 Hipotesis	12
	1.6 Definisi	
	1.6.1 Definisi perkataan	13
	1.6.2 Definisi kenderaan pelbagai guna	15
BAB 2	PENGENALAN DAN SEJARAH SEBELUM MPV	
	2.1 Pengenalan dan sejarah kereta sebelum terciptanya kenderaan pelbagai guna atau MPV.	16
	2.2 Perkembangan sejarah kereta sebelum MPV	18
BAB 3	PENGENALAN DAN SEJARAH MPV	
	3.1 Pengenalan dan sejarah MPV	24
	3.2 Ciri-ciri sebuah MPV	27
	3.3 Penerangan beberapa model MPV	
	3.3.1 Renault Espace “Kenderaan MPV pertama di dunia.	37
	3.3.2 Penerangan mengenai Ford Galaxy	41
	3.3.3 Penerangan mengenai Toyota Unser	46
	3.4 Perbandingan model-model MPV	49
BAB 4	PENGUMPULAN DATA	
	4.1 Pengumpulan data dan maklumat mengenai MPV yang didaftarkan dan dijual di seluruh Malaysia.	55
	4.1.1 Penerangan Jadual 3 dan Carta 4	58
	4.1.2 Penerangan Jadual 4 dan Carta 5	63
	4.1.3 Penerangan Jadual 5 dan Carta 6	69
	4.1.4 Penerangan Jadual 6 dan Carta 7	74
	4.1.5 Penerangan Jadual 7 dan Carta 8	80

BAB 5	HASIL KAJI SELIDIK	
5.1	Soalan kaji selidik	85
5.2	Analisis daripada Borang Soal Selidik	93
5.2.1	Hasil daripada borang soal selidik mengikut umur.	95
5.2.2	Hasil daripada borang soal selidik mengikut jantina	99
5.2.3	Hasil daripada borang soal selidik mengikut status perkahwinan	101
5.2.4	Hasil daripada borang soal selidik mengikut pekerjaan	104
5.2.5	Hasil daripada borang soal selidik mengikut pendapatan	107
5.2.6	Hasil daripada borang soal selidik mengikut kawasan tempat tinggal	110
5.2.7	Hasil daripada borang soal selidik mengikut model MPV yang dimiliki	111
5.2.8	Hasil daripada borang soal selidik mengikut pendapat pengguna yang memiliki MPV	113
BAB 6	CADANGAN	
6.1	Hipotesis yang tepat	115
6.2	Cadangan	117
BAB 7	RUMUSAN	120
BIBLIOGRAFI		122